

Ringkasan Kajian

Potensi Komuniti Sebagai Pembina Perdamaian : Hubungan Antara Etnik Dalam Skim Rukun Tetangga Di Malaysia dan Indonesia

Penyelidik

Afriva Khadir

Fakulti Pengajian Antarabangsa

Universiti Utara Malaysia

1. Skop Kajian

Kajian secara deskriptif mengenai perkembangan Rukun Tetangga selepas tahun 2000 di dua bandar di Malaysia dan Indonesia yang mempunyai keseragaman etnik. Pemilihan Skim Rukun Tetangga sebagai fokus kajian memandangkan Skim Rukun Tetangga di kedua-dua negara merupakan program nasional dan dikendalikan dengan satu model struktur dan budaya organisasi yang monolitik.

2. Lokasi Kajian

Kajian dijalankan di Bandar Alor Setar, Kedah yang mempunyai majoriti masyarakat pelbagai etnik seperti Melayu dan Cina. Manakala wilayah Padang, Sumatera Barat, Indonesia dengan etnik Cina sebagai etnik kedua terbesar selepas Melayu Minangkabau.

3. Sampel Kajian

Pemilihan sampel kajian menggunakan teknik ‘quota sampling’ seramai 150 responden Malaysia dan 150 responden Indonesia. Sampel kajian menjurus kepada empat komuniti yang mempunyai karakteristik tertentu iaitu :

- i. Rukun Tetangga aktif yang berada di wilayah berisiko tinggi yang mempunyai konflik atau pun jenayah.
- ii. Rukun Tetangga aktif yang berada di wilayah berisiko rendah.
- iii. Rukun Tetangga kurang aktif yang berada di wilayah berisiko tinggi.
- iv. Rukun Tetangga kurang aktif yang berada di wilayah berisiko rendah.

4. Metodologi Kajian

Kajian perbandingan bermatlamat untuk mengkaji objek atau spesimen yang memiliki persamaan (commonalities) dalam hal tertentu namun berbeza (variance) dalam hal lain. Penyelidik akan menentukan aspek, keadaan atau penyumbang yang menarik pada setiap kes. Aspek baru akan ditambah atau dikurangkan jika ianya tidak bermakna untuk kajian. Manakala kes yang mempunyai karakter yang sama akan dibuang kerana kajian perbandingan tidak sama dengan melakukan dua buah kajian kes.

Dengan itu, kajian berbentuk perbandingan memiliki karakter eksploratif (exploratory comparative research). Karektor eksploratif digunakan memandangkan belum ada kajian yang sama pernah dijalankan sebelum ini. Komuniti dari dua bandar diambil sebagai unit analisis iaitu kelompok kejiranan yang menerapkan program Skim Rukun Tetangga. Metodologi kajian adalah kaedah campuran melalui soal selidik, observasi langsung (direct observation), temuduga dan perbincangan dalam kumpulan fokus.

5. Perbandingan Penemuan Kajian

Penemuan di Alor Setar, Kedah		Penemuan di Padang, Sumatera Barat	
1.	Kedua kelompok kajian menunjukkan penemuan yang sama dalam situasi bertegur sapa dan berbincang dengan kaum lain. Walau bagaimana pun masih terdapat 2.4% kaum Cina yang tidak pernah bertegur sapa dan berbincang dengan kaum lain.	1.	Kedua kelompok kajian menunjukkan penemuan yang sama dalam situasi bertegur sapa dan berbincang dengan kaum lain. Terdapat 8% kaum Melayu yang tidak pernah bertegur sapa dan berbincang dengan kaum lain. Situasi ini agak berbeza dengan Malaysia di mana kaum Cina lebih banyak berbincang dan bertegur sapa dengan kaum lain iaitu 81.9%.
2.	Peratusan kaum Cina lebih tinggi tidak pernah berjalan bersama kaum lain iaitu sebanyak 14.3% berbanding dengan kaum Melayu hanya 11.8%.	2.	Lebih dari satu perempat penduduk kaum Melayu yang tidak pernah berjalan dengan kaum lain iaitu 25.3%.
3.	Terdapat pola yang sama di antara kedua kaum dalam meraikan perayaan kaum lain iaitu kaum Melayu sebanyak 57.6% dan 47.6% dari kaum Cina.	3.	Kaum Cina sering meraikan perayaan kaum lain berbanding kaum Melayu iaitu 69.9% berbanding 50.7%. Seramai satu pertiga penduduk Melayu tidak pernah meraikan perayaan kaum lain.
4.	Kaum Cina menyatakan lebih sering bersukan dengan kaum lain iaitu 40.5% berbanding kaum Melayu hanya 22.4%.	4.	Kaum Melayu lebih banyak tidak melibatkan diri dalam sukan dengan kaum lain iaitu 40.0% manakala kaum Cina sebanyak 31.9%. Didapati sukan tidak begitu menarik untuk menyatukan kedua kaum di Padang.

Penemuan di Alor Setar, Kedah		Penemuan di Padang, Sumatera Barat	
5.	Didapati hanya 3.5% kaum Melayu makan masakan kaum lain berbeza dengan kaum Cina iaitu 47.6%. Sebanyak 44.7% kaum Melayu tidak makan masakan kaum lain berbanding 16.7 % kaum Cina. Keterbatasan agama dilihat sebagai penyebab kepada situasi ini.	5.	Kaum Melayu di Padang tidak tertarik untuk melakukan hubungan antara kaum melalui masakan iaitu 46.7%. Ini berbeza dengan kaum Cina iaitu 43.1% selalu dan 54.2% ada melakukannya. Keterbatasan agama dilihat sebagai penyebab kepada situasi ini.
6.	Kedua kaum di Alor Setar sama-sama menjemput kaum lain untuk terlibat dalam aktiviti sosial dengan 49.4% (Melayu) dan 61.9% (Cina).	6.	Kedua-dua kaum di Padang juga melakukan jemputan untuk kaum lain untuk terlibat dalam aktiviti sosial dengan 53.3% (Melayu) dan 63.9% (Cina)
7.	Sebanyak 64.3% kaum Cina Alor Setar lebih menghormati pelaksanaan upacara keagamaan kaum lain berbanding 48.2% oleh kaum Melayu.	7.	Kaum Cina di Padang lebih baik dari kaum Melayu dalam menghormati pelaksanaan upacara keagamaan kaum lain iaitu 81.9% berbanding 63.5% dari kaum Melayu.
8.	Kedua-dua kaum tidak banyak melakukan ziarah ke rumah kaum lain bila berlaku musibah iaitu 23.5% kaum Melayu dan 23.8% bagi kaum Cina.	8.	Kedua kaum agak tinggi dalam melakukan ziarah apabila berlaku musibah pada kaum lain iaitu 77.0% kaum Cina dan 68.0% kaum Melayu.
9.	Sebanyak 60.0% kaum Melayu dan 54.8% kaum Cina di Alor Setar tidak setuju sama sekali jika isu perkauman dijadikan komoditi politik oleh parti politik.	9.	Kedua kaum pada umumnya tidak setuju parti menggunakan isu perkaum dalam politik. Namun begitu kaum Cina lebih sensitif dalam hal ini iaitu 81.9% tidak setuju dan hanya 5.6% yang bersetuju. Ini berbeza dengan kaum Melayu di mana 32.0% setuju isu perkauman dijadikan isu

Penemuan di Alor Setar, Kedah		Penemuan di Padang, Sumatera Barat	
			politik oleh parti politik.
10.	Kaum Melayu lebih berpuas hati dengan kehidupan sehari-hari dalam komuniti iaitu 72.9% berbanding 57.1% kaum Cina. Hampir 10.0% kaum Cina menyatakan mereka tidak berpuas hati dengan kehidupan sehari-hari mereka dalam kawasan mereka tinggal.	10.	Situasi di Padang agak berbeza dengan Alor Setar di mana kaum Cina lebih berpuas hati dengan kehidupan sehari-hari dalam komuniti berbanding dengan kaum Melayu dengan 83.3% berbanding 54.7%.
11.	Kedua-dua kaum menyatakan konflik masa lalu mempengaruhi kehidupan masyarakat di kawasan kajian dan masih dalam ingatan dengan 68.2% kaum Melayu dan 64.3% kaum Cina.	11.	Konflik antara kaum di masa lalu ternyata cukup mempengaruhi kehidupan masyarakat di kawasan kajian di mana 83.3% kaum Cina masih merasakannya berbanding 54.7% kaum Melayu. Penemuan ini agak logik kerana kaum minoriti selalu menjadi korban dan mengalami trauma lebih teruk daripada kaum yang dominan.
12.	Didapati 71.4% kaum Cina dan 58.8% kaum Melayu bersetuju bahawa jika berlaku konflik dalam komuniti, ianya bukan berpunca dari perbezaan etnik tetapi lebih disebabkan oleh perkara-perkara lain.	12.	Pernyataan ini menunjukkan persamaan di Padang di mana 83.3% kaum Cina dan 54.7% kaum Melayu setuju bahawa jika berlaku konflik ianya bukan berpunca daripada perbezaan etnik.
13.	Majoriti dari kaum Melayu dan Cina mengaku bahawa diskriminasi tidak wujud dalam kawasan setempat mereka. Walau bagaimana pun masih terdapat 19.0% kaum Cina dan 10.6%	13.	Didapati 45.8% kaum Cina merasakan ada diskriminasi dalam kawasan penempatan mereka.

Penemuan di Alor Setar, Kedah		Penemuan di Padang, Sumatera Barat	
	kaum Melayu menyatakan masih terdapat diskriminasi di kawasan tempat tinggal mereka.		
14.	Sebanyak 88.2% kaum Melayu dan 85.7% kaum Cina menyatakan mereka dapat menjalankan amalan beragama dengan selesa di kawasan tempat tinggal mereka.	14.	Situasi agak berbeza di Padang di mana 72.0% kaum Melayu dan 56.9% kaum Cina menyatakan dapat menjalankan amalan beragama dengan selesa. Namun begitu, 33.3% kaum Cina merasakan sebaliknya.
15.	60.0% kaum Melayu dan 52.4% kaum Cina mengakui aktiviti keagamaan di kawasan kejiranan meningkat dengan baik dalam 5 tahun kebelakangan ini.	15.	50.0% kaum Melayu dan 44.4% kaum Cina menyatakan aktiviti keagamaan di kawasan kejiranan meningkat dengan baik dalam 5 tahun kebelakangan ini.
16.	Hanya 35.7% kaum Cina setuju bahawa kedudukan ekonomi komuniti bertambah baik berbanding dengan 61.2% kaum Melayu.	16.	Didapati 41.9% kaum Melayu dan 37.5% kaum Cina setuju bahawa kedudukan ekonomi komuniti bertambah baik.
17.	Kaum Melayu (70.6%) lebih bersetuju bahawa keupayaan Kerajaan dalam mendokong hubungan antara kaum berbanding kaum Cina (59.5%).	17.	Situasi agak jauh berbeza di Padang di mana kaum Cina (84.7%) lebih memberikan apresiasi kepada keupayaan Kerajaan dalam mendokong hubungan antara kaum berbanding kaum Melayu (57.5%).
18.	Kaum Cina (71.4%) lebih bersetuju bahawa Kerajaan telah memberikan perkhidmatan awam yang baik kepada seluruh warganya berbanding kaum Melayu (63.5%).	18.	Kaum Melayu lebih kritis dan skeptikal terhadap Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan awam yang baik kepada seluruh warganya iaitu 35.5% berbanding dengan kaum Cina iaitu 61.1%.

Penemuan di Alor Setar, Kedah		Penemuan di Padang, Sumatera Barat	
19.	Penyertaan dalam organisasi kemasyarakatan/NGO bagi kaum Melayu adalah 50.6% dan 42.9% kaum Cina.	19.	Didapati dua kali ganda kaum Cina (56.9%) lebih banyak melibatkan diri dalam organisasi kemasyarakatan / NGO berbanding kaum Melayu (24.3%).
20.	Sebanyak 24.7% kaum Melayu dan 11.9% kaum Cina menyatakan aktif dalam parti politik. Majoriti kedua-dua kaum tidak begitu aktif. Agak menghairankan apabila terdapat 4.7% kaum Melayu dan 2.4% kaum Cina menyatakan tidak tahu kewujudan organisasi politik di kawasan mereka.	20.	Agak berbeza di Padang di mana secara akumulatifnya 67.8% responden tidak terlibat langsung dengan organisasi parti politik. Hanya 5.4% kaum Melayu dan 8.3 % kaum Cina terlibat secara aktif dalam organisasi parti politik.
21.	Penglibatan masyarakat dalam Rukun Tetangga masih perlu ditingkatkan di mana hanya 38.8% kaum Melayu terlibat secara aktif dalam Rukun Tetangga. Walau bagaimana pun peratusan kaum Melayu lebih tinggi jika dibandingkan dengan kaum Cina yang hanya sebanyak 19.0% terlibat aktif dalam Rukun Tetangga. Didapati 32.3% kaum Melayu dan 43.3% kaum Cina menyatakan mereka tahu kewujudan Rukun Tetangga tetapi tidak melibatkan diri dalam Rukun Tetangga.	21.	Situasi agak berbeza di Padang di mana secara akumulatifnya 85.0% responden terlibat secara aktif dalam Rukun Tetangga atau pun menyokongnya. Sebanyak 40.5% kaum Melayu aktif dan 39.2% sebagai penyokong dalam Rukun Tetangga. Kaum Cina didapati lebih tinggi penglibatannya dalam Rukun Tetangga iaitu hampir 60.0% aktif dan 30.6% sebagai penyokong dalam Rukun Tetangga.
22.	Sebanyak 56.5% kaum Melayu dan 50.0% kaum Cina menyatakan keahlian dalam Rukun Tetangga	22.	Secara akumulatifnya 92.9% responden dari kedua-dua kaum merasakan ciri keahlian dalam Rukun

	adalah pelbagai etnik. Manakala 38.8% kaum Melayu dan 42.9% kaum Cina mendapati Rukun Tetangga di dominan oleh etnik tertentu.		Tetangga adalah pelbagai etnik. Hanya 38.7% merasakan adanya dominasi etnik tertentu.
--	--	--	---

6. Rumusan

a. Rukun Tetangga sebagai ‘civil society’

Rukun Tetangga (RT) mempunyai ciri-ciri ‘Civil Society’ dalam aspek-aspek yang mengandungi hubungan lintas batas etnik (intererthnic or cross-cutting social ties) dalam aspek berikut :

- i. Masyarakat dalam RT memiliki taraf komunikasi yang sangat baik dengan melaksanakan hubungan seharian seperti bertegur sapa, perayaan hari kebesaran, jemputan dalam aktiviti sosial, solidariti dalam musibah dan kesepakatan untuk membersihkan hubungan dan isu perkauman dari wacana politik.
- ii. Sebagai institusi kejiranan terdapat kepuasan yang tinggi dalam kehidupan kejiranan dalam kawasan RT. Sensitiviti terhadap trauma konflik antara etnik menyebabkan warga lebih berhati-hati dalam perkara ini. Didapati tiada diskriminasi antara etnik, kehidupan keagamaan yang baik aman dan perkhidmatan awam yang baik.
- iii. Skim RT ditaja oleh Kerajaan dan penglibatan warga dalam organisasi RT adalah sukarela. Didapati tahap penglibatan warga belum begitu tinggi walau pun mereka merasakan RT memberikan manfaat dalam meningkatkan kejiranan, toleransi dan keselamatan.

iv. RT sebagai jambatan antara hubungan Kerajaan dengan masyarakat di peringkat komuniti. Di awal penubuhannya, RT berfungsi untuk menjaga keselamatan di peringkat kejiranan. Peranan RT dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan digunakan sebagai radar untuk mengenalpasti masalah-masalah sosial di samping memberikan maklumat mengenai polisi Kerajaan kepada masyarakat serta memelihara keharmonian dalam komuniti.

b. **Potensi Komuniti RT sebagai Pembina Perdamaian**

RT memiliki potensi yang besar dalam membina perdamaian dan secara teorinya semakin banyak aktiviti dilakukan dalam kawasan RT dengan tingginya penglibatan masyarakat pelbagai etnik akan meningkatkan rasa saling kenal-mengenali, saling bergantungan dan solidariti wujud antara warganya. Kewujudan komunikasi antara masyarakat pelbagai budaya akan menerbitkan perdamaian antara mereka. Penubuhan RT di kawasan bandar mampu meningkatkan hubungan antara jiran yang datang dari pelbagai daerah dan latar belakang melalui aktiviti yang dianjurkan. Kehidupan yang sukar dan kompetatif di bandar menimbulkan rasa komunalisme baru.

Masih terdapat beberapa perkara yang belum cukup memberi manfaat kepada penduduk mengenai pelaksanaan RT baik di Alor Setar mahu pun di Padang iaitu:

- i. Interaksi budaya dari aspek menikmati masakan kaum lain masih kurang terutamanya di kalangan kaum Melayu.
- ii. Kaum Melayu kurang memberikan kerjasama mengenai agama dan perjalanan aktiviti keagamaan etnik lain.
- iii. RT belum begitu berfungsi sebagai mediator dalam perselisihan dan penyelesaian masalah dalam kejiranan.

- iv. Batas etnik dalam hal status masih tebal meski pun hal-hal lain seperti material dan ikatan sosial dapat ditembusi.
- v. Hanya satu KRT yang memiliki pusat komuniti yang baik di mana pusat komuniti merupakan infrastruktur penting yang menjadikan aktiviti RT dapat dimaksimakan dan berfungsi untuk membina perdamaian di antara warganya.
- vi. Dengan membebaskan RT dari pengaruh politik perkauman atau agama, maka hubungan antara warga akan menjadi lebih kondusif dan harmoni. Meskipun begitu, RT tetap memiliki potensi sebagai jambatan yang menghubungkan masyarakat dengan kerajaan.

7. Cadangan

- i. Penyelidikan lebih mendalam mengenai masalah pentingnya posisi komunikasi dalam komuniti dan pengaruhnya kepada penipisan batas etnik di antara kumpulan etnik masih diperlukan.
- ii. Bagi memaksimakan potensi RT dalam membina perdamaian di peringkat komuniti, negeri atau negara, perhatian serius diperlukan daripada Kerajaan dalam aspek institusi (governance), promosi dan peningkatan penyertaan masyarakat di dalamnya.
- iii. Agama dan politik adalah masalah yang sensitif dalam hubungan antara etnik. Namun begitu, RT berupaya menyuraikan potensi konflik yang berlaku melalui aktiviti yang dianjurkan seperti dialog antara agama dan penerangan mengenai penglibatan dalam politik secara matang.
- iv. Pemerintah Indonesia perlu melakukan pengurusan di peringkat makro secara lebih professional kepada RT.

- v. Kerajaan Malaysia perlu memperbanyak dan memperluaskan sebaran dan ruang lingkup skim RT terutama di kawasan bandar yang memiliki masyarakat majmuk serta masalah terhadap konflik dalam hubungan antara etnik.